

TokioMarine - Perlindungan Hero

Halaman-halaman seterusnya mengandungi risalah pendedahan produk untuk:

- TokioMarine - Perlindungan Hero

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK
TokioMarine - Perlindungan Hero

Baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil TokioMarine - Perlindungan Hero.
Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.

1. Apakah produk ini?

Produk ini merupakan pelan insurans bertempoh rata yang boleh diperbaharui setiap tahun tanpa penyertaan dalam keuntungan dan menyediakan perlindungan bagi Hayat yang Diinsuranskan.

Pelan ini akan diperbaharui secara automatik sehingga ulang tahun polisi yang berikutnya selepas ulang tahun hari jadi berikut ke-65 Hayat yang Diinsuranskan.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang diberikan?

Polisi ini menawarkan:

- Jika berlaku Kematian Hayat yang Diinsuranskan, jumlah yang diinsuranskan seperti dalam jadual di bawah akan dibayar:

Umur Kemasukan (Hari Jadi Berikut)	Jumlah Yang Diinsuranskan
30 hari hingga umur 35	RM 100,000
umur 36 hingga umur 45	RM 50,000
umur 46 hingga umur 50	RM 30,000
umur 51 hingga umur 60	RM 20,000

Nota-Nota:

- Sekiranya Hayat yang Diinsuranskan berumur 5 tahun pada hari jadi berikut dan ke bawah, jumlah yang diinsuranskan yang dibayar akan tertakluk pada Lien Juvana seperti yang dinyatakan di jadual bawah:

Umur Hari Jadi Berikut	Peratusan daripada Jumlah yang Diinsuranskan
1	20%
2	40%
3	60%
4	80%
5 dan ke atas	100%

Tempoh Perlindungan: Sehingga Kematian Hayat yang Diinsuranskan atau penamatan Polisi, mengikut mana-mana yang lebih awal.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

- Premium yang anda perlu bayar : RM 35.00 sebulan
: RM 420.00 setiap tahun
- Tempoh premium: sehingga umur 65 tahun hari jadi berikut atau semasa penamatan, mana yang berlaku dahulu.
- Polisi ini memberikan tempoh tangguh selama 30 hari sebagai masa tambahan selepas tarikh akhir untuk membuat pembayaran premium.
- Bayaran premium adalah tetap, tetapi ia tidak dijamin.
- Premium yang dikenakan untuk pelan ini adalah tidak terjamin dan tertakluk kepada pengalaman tuntutan-tuntutan dan faktor-faktor lain yang berkaitan dengan Syarikat. Kami berhak untuk menyemak semula premium dengan memberi anda notis 90 hari. Bayaran premium yang telah dikemaskini akan berkuat kuasa pada Ulang Tahun Polisi seterusnya.

4. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?

Tiada yuran dan caj bagi pelan ini.

5. Apakah antara terma dan syarat utama yang perlu saya ketahui?

- Kepentingan pendedahan - anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan kesihatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Sekiranya terdapat sebarang ketidak-dekahan semasa peringkat permohonan polisi atau pengembalian semula polisi, Kami berhak untuk menolak sebarang tuntutan yang dikemukakan, membatalkan polisi, atau mengubah terma atau faedah polisi.
- Tempoh pertimbangan - anda boleh membatalkan polisi ini dengan pemberitahuan bertulis kepada kami dalam tempoh 15 hari selepas penghantaran dokumen polisi kepada anda. Selepas pembatalan polisi, kami akan mengembalikan bayaran premium yang anda telah bayar, dikurangkan sebarang kos perubatan yang dikenakan (jika ada).
- Penama - Apabila anda memohon pelan ini, anda boleh mencalonkan seseorang untuk menerima wang yang perlu dibayar setelah kematian anda. Anda digalakkan membuat pencalonan untuk memudahkan proses pembayaran wang di bawah perlindungan insurans anda.
- Notis Tuntutan: Notis bertulis mesti diberi kepada kami dalam tempoh masa 60 hari dari tarikh kematian.

Catatan: Senarai ini bukan senarai yang lengkap. Sila merujuk kepada kontrak polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat di bawah polisi ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

- Faedah Kematian tidak akan dibayar jika kematian Orang Yang Dijamin Hayat disebabkan oleh bunuh diri (sama ada waras atau tidak waras) dalam tempoh satu (1) tahun dari Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula Polisi, mengikut mana yang lebih kemudian. Polisi ini akan dibatalkan dan kami akan mengembalikan Jumlah Premium Asas yang dibayar tanpa faedah.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Membeli polisi hayat adalah komitmen kewangan yang berjangka panjang. Jika anda tidak membayar premium anda dalam tempoh tangguh, polisi anda akan menjadi luput. Polisi ini tidak memberikan nilai penyerahan. Sekiranya anda membatalkan polisi anda, perlindungan akan berterus sehingga sehari sebelum tarikh mesti bayar berikutnya. Tiada pemulangan premium untuk pembatalan selepas tempoh pertimbangan.

8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Anda mestilah memaklumkan kami tentang sebarang perubahan profil anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat menghubungi anda pada masa yang tepat.

9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang produk ini, sila layari laman web kami di www.tokiomarine.com.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Kami di :

Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.
Ground Floor, Menara Tokio Marine Life
189, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur

Talian Am	: 03-2059 6188
Faks	: 03-2162 8068
Nombor Khidmat Pelanggan	: 03-2603 3999
E-mel	: customercare@tokiomarinelife.com.my

10. Perlindungan serupa lain-lain yang tersedia

Anda boleh terus menghubungi Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd bagi mendapatkan maklumat berkenaan jenis perlindungan lain yang serupa.

MAKLUMAN PENTING:

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENCATAT SKALA MANFAAT BAGI KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN HUBUNGI TERUS KAMI UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Pelan insurans ini ditaja jamin oleh Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. [199801001430 (457556-X)], sebuah Syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia untuk dokumen ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Maklumat yang disediakan dalam risalah pendedahan ini adalah sah pada dd/mm/yyyy.